

Jenis Akhbar : Berita Harian

Tarikh : 04/01/2024

Edisi / Muka Surat : Nasional / 7

Tajuk : ANGKASA peruntuk RM10 juta ceburi sektor agromakanan

ANGKASA peruntuk RM10 juta ceburi sektor agromakanan

Temerloh: Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) memperuntukkan RM10 juta kepada koperasi yang berminat menceburi sektor agromakanan khususnya ternakan dan ruminan di seluruh negara.

Presidennya, Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah berkata, usaha ini selari saranan kerajaan supaya ANGKASA mengambil inisiatif menggerakkan koperasi serta mewujudkan ekosistem baharu dalam industri ternakan ayam dan ruminan negara.

"Kita tahu industri ternakan ayam dikuasai dan diusahakan kumpulan tertentu yang sering memanipulasi harga dan bekalan.

"Kita yakin projek perintis itu mampu membekalkan ayam segar dan memenuhi permintaan pengguna, ahli koperasi serta penggiat industri.

"Secara keseluruhan ANGKASA menasaskan 14,600 juta ayam dapat dihasilkan sebulan bagi memenuhi keperluan 7.3 juta ahli koperasi, tidak termasuk keperluan industri seperti kantin sekolah, pejabat dan lain-lain," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melakukan lawatan kerja ke ladang perintis ternakan ayam dikendalikan Koperasi Keluarga Haji Yunus Berhad Kampung Raja Songsang dekat sini.

Penyuluhan permintaan pasaran

Mengulas kerjasama ANGKASA bersama Koperasi Keluarga Haji Yunus Kampung Raja Berhad Songsang, katanya, ia perintis gerakan ekosistem baharu pengeluaran ternakan ayam berskala besar bagi memenuhi permintaan tinggi pasaran negara.

Katanya, koperasi ini dipilih kerana berpengalaman lebih empat tahun dalam industri ternakan ayam serta mempunyai empat reban dikendalikan secara moden dan mampu memantau perkembangan serta pembesaran ayam sehingga dipasarkan bagi keperluan tempatan.

"Projek ini diusahakan bersama ANGKASA langkah bersepadu dalam memastikan pengeluaran ayam dan produk berkaitan dapat memenuhi permintaan pasaran yang semakin bertambah.

"Sebanyak 32,000 anak ayam dimasukkan di ladang ternakan koperasi Keluarga Haji Yunus dan dalam jangka masa 35 hari kita boleh lihat perkembangannya.

"Hasil ternakan ini akan dipasarkan kepada 1,200 koperasi yang mengendalikan program Pembekalan Barangan Asas 100 (BA100) yang menjual barangan asas secara digital." katanya.